



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (6)

Tarikh : 14 Februari 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 3/2018

TAKRIFAN KAEDAH PENGAJIAN DAN KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (KPT-MQA) Bil. 3/2017 bertarikh 25 November 2017.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak MQA telah membangunkan suatu panduan kepada PPT bagi memperjelaskan perkara-perkara berkaitan Kaedah Pengajian dan Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi. Panduan seperti dalam **Lampiran 1** dihasilkan melalui rujukan yang dibuat terhadap pelaksanaan dan praktis semasa PPT tempatan dan luar negara.

3. Takrifan beserta penerangan yang diberikan diharap dapat membantu PPT dalam mewujudkan mekanisme yang jelas bagi memastikan pelaksanaannya difahami oleh semua pihak yang terlibat dalam menjamin keselarasan jaminan kualiti pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

TAKRIFAN KAEDAH PENGAJIAN DAN KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI

1.0 TAKRIFAN KAEDAH PENGAJIAN

- 1.1 Terdapat dua kategori Kaedah Pengajian iaitu Pengajian Sepenuh Masa dan Pengajian Separuh Masa. Takrifannya adalah seperti berikut:

Kaedah Pengajian	Takrifan
Sepenuh Masa	<u>Bilangan Kredit</u> Pengajian yang diikuti oleh pelajar dengan pembelajaran minimum sebanyak 12 kredit dalam satu semester lazim* (60% daripada jumlah kredit maksimum dalam satu semester).
Separuh Masa	<u>Bilangan Kredit</u> Pengajian yang diikuti oleh pelajar dengan pembelajaran kurang daripada 12 kredit dalam satu semester lazim* (kurang 60% daripada jumlah kredit maksimum dalam satu semester). Bagi semester akhir, pelajar dibenarkan mengambil maksimum sebanyak 14 kredit. <u>Tempoh pengajian</u> Tempoh pengajian separuh masa adalah lebih panjang daripada tempoh pengajian sepenuh masa.

*Sistem semester yang menggunakan 17 minggu pengajian. Sistem semester selain 17 minggu pengajian perlu menetapkan bilangan kredit minimum yang bersesuaian.

- 1.2 PPT perlu mempunyai satu mekanisme yang jelas untuk menetapkan status sepenuh masa atau separuh masa pelajar.
- 1.3 PPT perlu memberi panduan yang jelas kepada pelajar tentang pemilihan kaedah pengajian yang bersesuaian dengan komitmen pelajar di luar pengajian terutamanya komitmen kerjaya.

- 1.4 Bagi memastikan kualiti pengajian pelajar terjamin, PPT perlu memastikan status kaedah pengajian agar membolehkan pelajar mengikuti pengajian secara berkesan dengan mengambil kira komitmen pekerjaan terutamanya pekerjaan berstatus sepenuh masa.
- 1.5 Pelajar yang mempunyai komitmen pekerjaan sepenuh masa hanya boleh mengikuti pengajian separuh masa pada tahap 3 hingga tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).
- 1.6 Bagi pengajian pada tahap 7 hingga tahap 8 (secara kerja kursus) MQF, penentuan status kaedah pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa adalah berdasarkan kepada ketetapan 60% atau kurang 60% beban pembelajaran pelajar daripada jumlah kredit maksimum dalam satu semester lazim.

2.0 TAKRIFAN KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI

- 2.1 Terdapat dua kategori Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi iaitu Konvensional dan Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*). Takrifannya adalah:

Kaedah Penyampaian Program	Takrifan
Konvensional	Pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka sepenuhnya dalam bentuk kuliah/ tutorial/ amali (termasuk pembelajaran di industri) yang dikendalikan mengikut tempoh pengajian atau dengan gabungan pembelajaran atas talian (<i>blended learning</i>) antara 30% hingga 60%*.
Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (<i>Open and Distance Learning, ODL</i>)	Pembelajaran dan pengajaran yang dikendalikan dengan komponen kursus yang dilaksanakan secara atas talian melebihi 60%*.

*Peratusan daripada jumlah kredit dalam program. Sumber rujukan ialah *E-Learning Guidelines for Malaysian HEIs, 2014*.

2.2 Kaedah penyampaian program diklasifikasikan kepada Konvensional dan ODL bagi membolehkan penilaian akreditasi MQA dilaksanakan dengan menggunakan kod amalan/garis panduan yang bersesuaian iaitu:

- i. Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) bagi program Konvensional; dan
- ii. Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice for Open and Distance Learning*, COP-ODL) bagi program ODL.